

Analisis kesan guna yang berakhir pada kerangka teknologi PTI dikongsikan dalam bentuk cooperasi dan pasaran bersama barang (caravans). Hasil analisa sejauh ini bukti arkeologik yang ditemui menunjukkan bahawa teknologi ini diadakan bersama-sama dengan teknologi lain seperti teknologi pembuatan tembikar dan teknologi pembuatan batu kapur. Selain itu, teknologi pembuatan jebak puyuh juga dikenali sebagai teknologi yang dibuat bersama-sama dengan teknologi pembuatan tembikar. Tembikar yang dibuat bersama-sama dengan teknologi pembuatan jebak puyuh ini merupakan teknologi yang dilakukan bersama-sama dengan teknologi pembuatan tembikar. Tembikar yang dibuat bersama-sama dengan teknologi pembuatan jebak puyuh ini merupakan teknologi yang dilakukan bersama-sama dengan teknologi pembuatan tembikar.

Jurnal Arkeologi Malaysia, 27, 2014

Kesenian Kraf - Proses Pembuatan Jebak Puyuh

oleh

NORLELAWATY BINTI HARON, NIK HASSAN SHUHAIMI NIK ABDUL RAHMAN, ZULISKANDAR RAMLI, ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA dan MOHD ROHAIZAT ABDUL WAHAB*

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat kesenian kraf dalam proses pembuatan jebak puyuh yang terkenal di daerah Tumpat, Kelantan terutamanya dari penggiat seni kraf tempatan. Sejarah perkembangan seni bermula seiring dengan sejarah perkembangan manusia itu sendiri. Sejak dari zaman neolitik, proses hidup berpindah randah telah berubah kepada proses hidup menetap. Dalam zaman yang baru ini, manusia mula menghasilkan tanaman dan pertukangan dalam kegiatan harian mereka dengan membentuk alat kelengkapan harian untuk bertani, menangkap ikan dan berburu. Secara perlahan-lahan proses ini telah membantu ke arah penciptaan kraf tangan dengan lebih meluas. Seni kraf jebak puyuh merupakan salah satu produk yang menarik dan sangat bernilai. Pada zaman dahulu, orang tidak menternak puyuh, namun burung itu mudah untuk di dapati tetapi tidak mudah untuk menangkapnya yang hidup liar. Oleh itu, anak-anak muda pada masa itu menjadikan hobi memikat burung terutamanya selepas musim menuai padi atau ketika banjir menenggelamkan semak samun kerana keenakan dagingnya. Maka, dengan kemahiran dan kepakaran yang ada pada mereka, perangkap atau jebak puyuh direka untuk memudahkan memikat burung tersebut. Jebak puyuh

* Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor.

yang direka untuk memikat burung puyuh kini telah di pelbagai gunakan kerana beberapa inovasi dan pengubahsuaian yang dibuat menjadikan alat itu boleh dijadikan produk hiasan atau dijadikan sangkar untuk haiwan lain seperti kucing. Jebak ialah perangkap yang berbentuk separuh bulatan dengan tapak yang rata dilengkapi pintu kecil serta tempat menggantung jebak dan terdapat tali jerat di dalamnya yang boleh ditaraskan ke pintu jebak. Proses pembuatannya menggunakan bahan-bahan yang ada di persekitaran yang mudah di dapat.

Kata kunci: Kesenian kraf, Jebak puyuh, perangkap, memikat burung, inovasi

Seni Kehidupan dan Kemasyarakatan

Berbagai-bagi pengertian diberikan tentang kebudayaan. Semakin banyak keterangan yang diberi, bertambah sukar di buat kesimpulan pengertian kebudayaan itu. Bagaimanapun erti kebudayaan yang umum di pakai orang ialah cara hidup sesuatu masyarakat atau sesuatu bangsa. Pada asasnya kehidupan manusia meliputi berbagai-bagi aspek. Ahli-ahli kebudayaan membahagikan aspek kehidupan manusia kepada berbagai-bagi bidang. Antara yang biasa disebut ialah bidang kesenian, adat istiadat, ekonomi, pertanian, bahasa, pakaian termasuk perhiasan, sopan santun, rukun hidup atau cara hidup masyarakat dan sebagainya. Satu daripada bidang kehidupan yang utama dalam kehidupan sesuatu masyarakat ialah kesenian. Kesenian dibahagikan pula kepada beberapa cabang tertentu. Seni atau kesenian pada dasarnya adalah sesuatu yang indah pada pandangan pancaindera manusia iaitu melalui penglihatan, pendengaran dan cita rasa. Keindahan yang wujud pada setiap hasil kesenian itulah yang memberikan rasa kepuasan di dalam jiwa manusia. Kehalusan jiwa manusia turut menentukan nilai sesuatu hasil kesenian. Sehubungan dengan itu, kehalusan rasa seni di dalam jiwa manusia pula berasaskan ketinggian budinya.

Ungkapan yang sering disebut orang iaitu “jiwanya halus” membawa erti tingginya rasa seni di dalam jiwa orang itu, demikianlah sebaliknya. Orang yang kasar jiwanya bukan sahaja tidak dapat menghasilkan sesuatu yang indah, yang bernilai seni, bahkan dia tidak dapat merasakan keindahan yang wujud pada sesuatu hasil kesenian. Jiwa yang mudah terasa, kebiasaanannya mempunyai rasa seni yang agak lebih daripada jiwa biasa. Pada dasarnya kesenian mempunyai dua bentuk iaitu seni khusus dan seni umum. Kesenian khusus ialah jenis kesenian yang tertentu pada sesuatu bidang seperti seni lukis, seni kraf tangan, seni lagu dan nyanyian, seni tari, seni adat, seni bahasa atau sastera, seni lakon dan sebagainya.

Kesenian wujud berkembang dan diturunkan dalam atau melalui tradisi-tradisi sosial atau masyarakat. Kesenian adalah milik masyarakat, dilihat sebagai cara hidup yang bertalian dengan keindahan dari para ahli masyarakat. Kesenian ini menjadi tunjang kepada kebudayaan masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Dengan adanya kesenian seperti ini identiti masyarakat Melayu lebih terserlah dan dikenali ramai. Warisan seni tradisional di kalangan orang Melayu disampaikan

secara lisan dari generasi kepada satu generasi, namun artis sebagai individu yang menghasilkannya mempunyai ruang untuk menggalakkan kreativiti dan mempertahankan nilai-nilai estetik karya seni tersebut. Kesenian bangsa Melayu telah diakui dunia sebagai unik dan menarik. Seni rupa dalam masyarakat Melayu merupakan ciptaan yang mengandungi unsur-unsur seni yang dihasilkan oleh orang Melayu melalui ukiran, anyaman, tenunan, seni bina dan sebagainya.

Seni kraf tangan adalah hasil seni yang dicipta untuk digunakan, tetapi digubah dengan memasukkan unsur-unsur seni untuk memberi bentuk yang indah dan menarik hati. Penciptaan kraf tangan itu memerlukan keahlian dan kecekapan dalam penggunaan bahan-bahan asas yang teratur sejak dari proses awal hingga sesuatu hasil kraf tangan itu tercipta. Proses penciptaan kraf tangan tersebut memerlukan daya estetika demi untuk memberikan reka bentuk yang indah dan menarik. Seni anyaman adalah suatu bentuk kraf yang tidak dapat dipisahkan daripada cara hidup tradisional masyarakat Melayu dan rumpun Nusantara. Daripada tikar hingga kepada dinding pelindung kediaman, hasil kerja menganyam membentuk persekitaran hidup yang boleh dilihat di mana-mana. Ini tidak menghairankan kerana tumbuh-tumbuhan tropika merupakan jenis yang sesuai untuk dijadikan bahan anyaman.

Seni Kraftangan

Kraf adalah barang yang dihasilkan dengan menggunakan kemahiran tangan, dikeluarkan dengan atau tanpa menggunakan alat atau peralatan mudah yang dijalankan secara sendiri atau tidak langsung oleh pengusaha-pengusaha kraf.

“Keluaran kraf tangan ertinya apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil dari sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebagainya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa-apa barang, walau bagaimanapun dihasilkan, yang mempunyai reka bentuk batik pada atau di mana-mana bahagiannya...”

(Sumber: Akta 222-Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979)

Seni Anyaman

Apa pun yang dilakukan oleh manusia, ia selalu mendekati unsur dan elemen alam. Alam adalah bahan paling dasar terutama dalam menghadapi cabaran hidup. Manusia mereka cipta, mengolah, memetik, meminjam tumbuhan seperti daun, ranting, akar, bunga, mengering seterusnya mencipta warna. Manusia sebenarnya telah melakukan kecergasan hidup dinamik, untuk meneruskan kehidupan. Sama ada menganyam daun, membentuk tanah liat, mengukir kayu, dan menenun kain. Membentuk atau mencipta untuk keperluan dan kegunaan sehari-hari dinamakan budaya. Kebudayaan Melayu telah cukup panjang berpunca daripada kewujudan manusia itu sendiri. Melalui seni anyaman kita diajak berbicara tentang daya kreatif

yang mengandungi makna dan fikiran dalam konteks budaya masyarakat kita. Di sini pengertian seni anyaman bukan sekadar membicarakan bentuk yang dicipta malah turut juga melibatkan adat resam, pantang larang, nilai budi, malah ilmu.

Anyaman merupakan seni kraf tangan tradisi masyarakat Melayu turun temurun yang datang daripada nenek moyang kita lagi. Kesenian ini merupakan salah satu objek seni warisan yang masih lagi bertapak di negeri Kelantan sehingga ke hari ini sejak zaman pemerintahan Long Yunus, Kelantan (1756-1794), dan tikar yang digunakan oleh Raja dianyam daripada rotan tawar atau bemban (Siti Zainon Ismail 1986). Kesenian ini juga dipercayai berkembang dan muncul tanpa ada pengaruh luar. Pada zaman dahulu aktiviti menganyam ini dilakukan oleh kaum wanita untuk mengisi masa lapang dan bukan sebagai mata pencarian utama. Hasil kraf tangan ini dijadikan alat untuk kegunaan harian masyarakat terdahulu dan juga sebagai hadiah untuk sanak saudara atau sahabat handai yang datang bertandang ke rumah mereka sahaja.

Menganyam ialah satu proses menjaringkan helaian atau jaluran daun, lidi, rotan, akar buluh dan beberapa jenis tumbuhan lain dengan cara menyusun dan menyusupkan nya antara satu sama lain mengikut peraturan-peraturan tertentu. Anyaman telah lama wujud di dalam berbagai-bagi bentuk dan fungsi. Kepandaian mencipta bentuk-bentuk tembikar neolitik dipercayai telah dibantu oleh anyaman yang menggunakan bahan-bahan seperti rotan dan tali. Beberapa alat senjata dan keperluan lain seperti membina rumah, membuat perahu dan sebagainya juga telah disempurnakan dengan lilitan anyaman daripada bahan-bahan tumbuhan. Setakat ini tiada siapa pun dapat memberi ketetapan bilakah masyarakat di Asia Tengara ini mempelajari seni anyaman dan memproses tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan berjenis kelarai dan peralatan kegunaan harian. Pada peringkat awalnya, kraf tangan anyaman di Semenanjung Tanah Melayu bermula dan berkembang tanpa menerima sebarang pengaruh dari luar (Abustarim Bin Yaacob 1996).

Kepakaran menganyam dapat diterima sebagai suatu usaha yang berterusan bagi menyelesaikan dan menyempurnakan kehidupan, keinginan dan keperluan. Sama ada daripada bahan pandan/mengkuang (*pandanus*), nipah (*nipa fruticans*), bertam (*palma engeissona tritis*), bemban (*donax arundastrum*), buluh (*bamboo*), jenis paku pakis, rumput rampai, dan sebagainya. Pereka bentuk itu telah mengolah dengan baik alam yang bakal digunakan. Dari sudut tingkat perkembangan budaya, seni anyaman termasuk aktiviti awal dalam kelompok masyarakat tradisi kecil (*The Little Tradition*) namun tetap atau pernah dilanjutkan dalam tradisi istana terutama apabila anyaman ditambah dengan bahan-bahan pelengkap yang lebih mewah seperti tekat benang emas atau manik labuci (Siti Zainon Ismail 1989). Dalam tradisi kecil yang diwakili oleh masyarakat nelayan dan petani, misalnya bakul digunakan untuk mengisi padi, ikan, sayur-sayuran dan sebagainya terutama dalam sistem atau kegiatan ekonomi. Alat-alat untuk menangguk ikan, menjaring, memikat burung turut juga melibatkan bahan anyaman. Begitu juga dalam memenuhi kehidupan masa lapang seperti permainan rakyat memerlukan buluh, rotan untuk bola sepak

dan sepak raga, rangka wau, kuda kepang, tali cemeti dan sebagainya.

Dari segi reka bentuk ciptaan asas, seni anyaman selalu dapat di terima sebagai kesenian sejagat (universal arts). Orang Mesir Purba menganggap anyaman sebagai bahan pelengkap dalam upacara kelahiran dan kematian. Manik, pakaian dan sepatu yang berhiaskan anyaman turut dikuburkan apabila pemiliknya meninggal dunia. China, Korea dan Jepun menjaring tempayan-tempayan sayuran yang diperlukan untuk kegunaan musim dingin, bakul-bakul dianyam untuk digunakan sebagai bekas mongering padi, cili dan sebagainya pada musim panas. Suku Iban, Kadayan/Kadazan, Murut atau Jah-Hut turut menggunakan bahan-bahan anyaman sebagai peralatan penting. Ini termasuklah untuk adat istiadat, kesenian dan kepercayaan ritual. Dengan lebih cepat, pengertian fungsi lazimnya bersifat umum (Siti Zainon Ismail 1989).

Sesuatu bentuk dicipta dengan kesedaran untuk memudahkan kerja misalnya mengikat senjata di pinggang, mengukuhkan tiang rumah, kerana ia ringan dan mudah diangkat ke sana ke mari (seperti bakul, tikar dan sebagainya), dipakai di kepala sebagai pelindung panas di ladang atau di laut sehingga kepintaran mengolah bahan dan kesedaran rasa, tukang atau perek bentuk akan mencipta ragam bentuk yang jelas pula menampakkan keunikan sesuatu wilayah budaya yang menciptanya. Ini bermakna seni anyaman juga selain menampakkan ciri-ciri peribadi dari wilayah budaya yang melahirkannya. Disebabkan oleh gaya, seni anyaman menampakkan ragam yang menarik dari segi keindahan atau estetika seni.

Anyaman Ribu-Ribu

Ribu-ribu adalah sejenis paku-pakis yang hidup liar terutama di kawasan belukar yang lembap. Terdapat beberapa jenis ribu-ribu iaitu ribu-ribu biasa, ribu-ribu besar/gajah dan ribu-ribu bukit/duduk atau akar sidin. Kegunaan utama ribu-ribu pada masa dahulu ialah sebagai bahan untuk dijadikan tali. Banyak rumah di Terengganu misalnya menggunakan tali ribu-ribu sebagai pengikat rabung kerana tali jenis ini tahan lama. Tetapi kini kegunaan ribu-ribu hampir terbatas kepada hasil kraf tangan sahaja. Barang-barang yang diperbuat daripada ribu-ribu termasuk terendak, bekas tembakau, bekas sirih dan jebak puyuh.

Cara Memproses Ribu-Ribu

Ribu-ribu dipotong di bahagian pangkalnya. Cuma rakis utama yang diambil, yang lurus atau yang menjalar. Cabang-cabang yang tidak diperlukan, dipotong dengan pisau kecil. Kemudian ribu-ribu dibelah dua dan dikeringkan perlahan-lahan dengan menyidainya di tempat yang redup selama beberapa hari. Ini dilakukan untuk memastikan ribu-ribu tidak rapuh atau mudah patah. Menganyam ribu-ribu sama seperti menganyam buluh dan mengkuang. Untuk mengukuhkan anyaman, biasanya buluh atau rotan digunakan sebagai tulang atau kerangka barang yang


dihasilkan. Motif-motif yang kerap digunakan dalam anyaman ribu-ribu ialah siku keluang, bentuk jaluran dan bentuk-bentuk geometri. Biasanya, barang-barang yang dianyam mengekalkan warna asli ribu-ribu. Bagaimanapun, perbezaan warna boleh dihasilkan iaitu dengan menyelang-nyelikan warna luar kulit yang lebih gelap iaitu coklat tua, dengan warna dalam kulit, coklat muda. Rata-rata kraftangan ribu-ribu kini semakin terabai kecuali di kalangan penduduk Sabah, terutama di sekitar Kampung Inukiran dan Kampung Tinanggol di daerah Kudat.

Jebak Puyuh

Jebak puyuh merupakan satu alat penangkapan atau perangkap puyuh yang biasa digunakan oleh orang-orang dahulu yang dibuat menggunakan anyaman ribu-ribu yang boleh diperolehi di persekitaran semak yang ada di sekeliling kita. Penghasilan sangkar jebak puyuh telah melambangkan betapa tingginya nilai kreativiti yang indah memancarkan seni ukir yang melambangkan ketinggian tradisi pertukangan Melayu, sekali gus dapat mengangkat nilainya di pasaran. Jebak ialah perangkap berbentuk separuh bulatan dengan tapak yang rata dilengkapi dengan pintu kecil serta tempat menggantung jebak dan terdapat tali jerat di dalamnya yang dilaraskan ke pintu jebak. Biasanya, jebak berkenaan akan dipasang di kawasan belukar berdekatan sawah dengan meletakkan seekor burung puyuh denak bagi menarik perhatian burung puyuh liar mendekati pintu jebak yang terbuka. Sebaik burung puyuh liar memasuki ke dalam jebak kerana tertarik untuk mendekati denak yang berada di dalamnya, ia akan terlanggar tali yang diikat pada tiang penongkat. Apabila tiang itu jatuh, jala bersama kayu yang berada di bahagian atas akan terjatuh dan secara ‘automatik’ pintu jebak akan tertutup dengan sendirinya dan memerangkap puyuh liar tersebut.


Penghasilan jebak adalah sangat mudah kerana bahan-bahan untuk membuat jebak hanya boleh diperoleh dari sekitar kampung iaitu papan dari kayu nangka, sentul dan jelutong untuk dijadikan tapak jebak dan ukiran pada bahagian depan jebak. Bilah buluh atau rotan lazimnya digunakan untuk membentuk kerangka luar manakala serungkup pula dibuat menggunakan anyaman akar atau batang pokok ribu-ribu yang mudah didapati di kawasan belukar. Pohon ribu-ribu yang tumbuh menjalar itu mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu tidak reput, sama ada jebak dibiarkan dalam keadaan basah atau kering. Sebelum tumbuhan ribu-ribu itu dianyam, ia akan dikeringkan terlebih dahulu dengan cara dibelah dua akar tersebut menggunakan hujung ibu jari kemudiannya dikeringkan dengan cara disidai di tempat yang redup selama beberapa hari bagi mengelak akar tumbuhan tersebut menjadi rapuh atau patah. Anyaman ribu-ribu sama seperti menganyam tikar atau buluh mengkuang, namun ia perlu di anyam pada buluh atau rotan bagi mengukuhkan anyaman tersebut.

Peralatan Membuat Jebak Puyuh





Gambar 1: Pohon ribu-ribu

Gambar 2: Ribu-ribu



Gambar 3: Ribu-ribu kering

Gambar 4: Lukisan tapak dan gunung




Gambar 5: Dawai


Gambar 6: Alat kerja tangan




Gambar 7: Ketam Kayu




Gambar 8: Gergaji G



Gambar 9: Mesin Ketam Kayu



Gambar 10: Papan



Gambar 11: Gerudi




Gambar 12: Gergaji

Proses Membuat Jebak

Sebelum ribu-ribu dianyam, ia akan dipotong terlebih dahulu di bahagian pangkal, seterusnya, rakis utama diambil terutama yang lurus atau menjalar. Ribu-ribu itu kemudian dibelah dua dengan hujung ibu jari, kemudian dikeringkan dengan cara menyidai di tempat redup selama beberapa hari bagi memastikan ia tidak rapuh atau patah. Menganyam ribu-ribu sama seperti menganyam buluh atau mengkuang dan bagi mengukuhkan anyaman, buluh atau rotan digunakan sebagai tulang atau kerangka.

Membuat tapak



Untuk membuat bahagian tapak jebak, lukisan yang telah siap dengan ukiran dibuat terlebih dahulu untuk memudahkan kerja-kerja penerapan. Lukisan tapak tersebut kemudian diletakkan di atas kertas karbon dan terapan dilakukan pada permukaan kayu yang diletakkan pada bahagian bawah dan didapati hasil lukisan yang sama akan terdapat pada permukaan kayu tersebut. Proses ini lebih mudah untuk mendapatkan bentuk yang sama seperti yang dikehendaki jika terapan yang di lakukan diikut dengan betul.



Gambar 13: Proses membuat tapak

Membuat Kerangka



Buluh yang telah dibersihkan dijadikan kerangka untuk membuat jebak puyuh. Sebanyak dua bilah buluh digunakan dan buluh yang diletakkan pada bahagian atas dipanjangkan untuk proses membuat pemegang.



Gambar 14 dan 15: Membuat kerangka

Meletakkan Bilah


Dawai diletakkan pada keseluruhan kerangka untuk dijadikan bilah bagi proses membuat tulang belut dan proses menjalin badan jebak. Dawai tersebut dapat menyokong keseluruhan proses yang dilakukan. Apabila keseluruhan jebak siap bilah tersebut tidak kelihatan kerana berada pada bahagian dalam.




Gambar 16: Dawai sebelah dalam di gelar bilah

Gambar 17: Bilah yang telah dijalin


Menjalin tulang belut



Gambar 18 dan 19: Menjalin tulang belut




Gambar 20 dan Gambar 21: Proses menjalin



Gambar 22 dan Gambar 23: Contoh jalinan tulang belut yang dibuat

Menjalin badan


Proses yang mengambil masa paling lama dalam menyiapkan sesebuah jebak puyuh adalah menjalin badan. Dalam proses ini kesabaran seseorang tukang diperlukan kerana ia merupakan satu tugas yang perlu mempunyai sikap dan keinginan yang tinggi dalam menyiapkan sesuatu kerja. Biasanya jalinan yang dibuat mengikut kreativiti tukang. Anyaman bercorak pucuk rebung dan siku keluang berselang-seli, menggunakan batang ribu besar yang di pecah empat dan batang pokok ribu hitam dianyam di bahagian tepi tapak jebak



Gambar 24 dan Gambar 25: Menjalin dan menganyam bahagian badan

Membuat Pemegang

Kerangka yang dibuat pada proses pertama dipanjangkan untuk memudahkan proses membuat pemegang. Kerangka yang berlebihan tersebut dilipat ke atas dan diikat dengan menggunakan rotan. Apabila siap kerangka, anyaman tulang belut dari batang jenis ribu-ribu besar perlu untuk dijadikan pemegang kepada anyaman yang memenuhi keseluruhan ‘badan’ jebak




Gambar 26: Membentuk pemegang



Gambar 27: Lebihan kerangka dijadikan pemegang

Membuat Pagar


Bahagian pagar juga amat penting dalam penghasilan sesebuah jebak puyuh. Pagar merupakan elemen penting yang memberi simbol keindahan dan nilai estetika yang tinggi. Bahagian kiri dan kanan juga diukir indah mengikut motif tersendiri yang boleh menaikkan seri pada sesebuah jebak yang dihasilkan oleh seseorang tukang. Puyuh denak di dalam jebak yang menjadi tarikan puyuh liar mendekati pintu jebak yang terbuka. Sebaik burung di luar masuk lalu terpijak jerat yang dipasang, secara ‘automatik’ pintu jebak itu tertutup dengan sendirinya.





Gambar 28 dan Gambar 29: Contoh ukiran pada bahagian pagar



Gambar 30 dan Gambar 31: Pemasangan pagar



Gambar 32 dan Gambar 33: Memasang jaring pukat pada bahagian depan



Gambar 34: Anak panah menunjukkan besi pemberat sebagai alat penahan


Gambar 35: Tongkat menahan pagar



Gambar 36: Pagar dibuka bagi tujuan menjerat

Membuat Gunungan


Bahagian kepala pintu jebak biasanya diukir dengan bentuk awan larat atau bunga kunyit dan sesetengahnya pula ukiran bunga mawar. Proses membuat gunung tersebut sama dengan proses membuat tapak di mana proses menekap dilakukan menggunakan kertas karbon yang dilapik pada permukaan papan. Ukiran gunungan ini menambahkan seri pada bahagian depan permukaan.



Gambar 37: Ukiran yang siap dierap pada kertas karbon



Gambar 38: Kertas ukiran dibuat sebelah bagi mendapat saiz yang sama



Gambar 39: Ukiran Bunga Kunyit



Gambar 40: Contoh motif




Gambar 41: Ukiran Bunga teratai

Produk Yang Telah Siap



Gambar 42: Pandangan sisi



Gambar 43: Pandangan depan jebak puyuh

Kesimpulan

Seni kraf tangan Melayu merupakan salah satu khazanah warisan bangsa yang tidak ternilai harganya. Kraf Melayu melambangkan ketamadunan bangsa dan juga maruah bangsa Melayu yang melambangkan identiti kemelayuan yang ada pada seseorang individu. Sememangnya kraf tangan tidak dapat dimiliki oleh seseorang yang tidak menghayati keunikan dan keindahan serta makna di sebalik barang kraf itu sendiri. Jika tidak dimanfaatkan sesiapapun tidak akan menjiwai dan mendalami makna atau falsafah yang tersirat di dalam seni kraf tangan warisan bangsa Melayu itu sendiri.

Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan kesenian kebudayaannya. Kesenian ini termasuk seni kraf tangan seperti anyaman, batik, songket, tekat, tenunan. Manakala permainan tradisi pula seperti gasing, wau, congkak. Seni persembahan Melayu pula merangkumi seni pertahan diri silat, makyong, menora, tarian dan juga kaya dengan adat resam masyarakat Melayu. Jika dilihat dari aspek kesenian anyaman rata-rata mengatakan bahawa anyaman mempunyai pelbagai jenis atau kategori. Antaranya anyaman pandan, mengkuang, buluh, bemban, rotan, lidi, akar dan ribu-ribu.

Kepelbagaiannya produk yang di hasilkan melalui proses menganyam jelas menggambarkan tahap kreativiti yang dimiliki oleh pembuat barang kraf tempatan. Jika kita amati orang-orang dahulu sememangnya pandai mencipta beberapa produk yang boleh dijadikan produk yang berguna kepada mereka dan penduduk setempat. Biasanya produk-produk tersebut direka sebagai mengisi masa lapang dan sebagai barang kegunaan harian mereka sahaja, tetapi apabila ada individu-individu yang berminat kepada barang tersebut maka ianya menjadi semakin meluas dan permintaan kepada produk tersebut juga akan meningkat.

Kebanyakan remaja pada zaman sekarang tidak mengenali dan tahu tentang

jebak puyuh. Produk ini dilihat asing dan pelik, tetapi bagi orang yang tahu menilai kesenian produk ini harganya tidak menjadi nilai ukuran. Jebak puyuh biasanya kecil sesuai dengan ukuran saiz puyuh namun saiznya kini berubah-ubah disesuaikan dengan permintaan pelanggan yang ingin menjadikan produk ini sebagai barang hiasan kerana keunikannya serta kehalusannya hasil kerja tangan yang dilakukan oleh pembuatnya.

Dengan ini, kita dapat menggambarkan ketertinggian darjat serta kehalusannya sopan santun masyarakat dahulu kala dalam menghasilkan barang kraf tangan yang semakin luput ditelan zaman yang semakin canggih dan moden. Tidak ramai yang mengetahui cara membuat jebak puyuh dan produk warisan ini juga semakin berkurangan kerana proses untuk membuatnya rumit dan memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Anak-anak muda sekarang juga tidak perlu menggunakan jebak puyuh lagi kerana tiada lagi ingin menangkap puyuh kerana ianya mudah dibeli di pasar-pasar.

Di sebalik kreativiti dan nilai estetika yang terpancar pada sesuatu produk hasil anyaman, tidak dinafikan bahawa ia terhasil dari pemikiran penggubahnya dan proses-proses tertentu yang perlu dilalui untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Produk anyaman yang terhasil sudah cukup membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai daya pemikiran yang bukan hanya mampu mengenal pasti bahan dan proses malah menjalankan perkiraan mental (mental arithmetic) secara tepat dan terperinci dan menaakul secara saintifik di dalam penghasilan produk berasaskan rotan. Perusahaan industri dan desa khasnya anyaman jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh mempunyai masa depan yang cerah. Dalam zaman yang serba moden ini, penggunaan teknologi yang lebih canggih di samping teknologi tradisional yang sedia ada, akan dapat mempelbagaikan hasil pengeluaran mengikut cita rasa masa kini. Di samping itu, langkah susulan juga perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kuantiti dan kualiti hasil pengeluaran bagi menarik minat pembeli. Dengan ini, harapan barang kraf tangan untuk menguasai sasaran tempatan dan seterusnya menembusi pasaran antarabangsa adalah amat cerah sekali. Dengan segala langkah yang telah, sedang dan akan diambil nanti akan dapat mengekalkan dan memajukan lagi seni kraf tangan yang kita pusakai turun temurun ini.

Rujukan

- Abustarim Bin Yaacob. 1996. *Warisan Kelantan XV*. Kelantan : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- A.Samad Ahmad. 1990. *Seni Kehidupan dan Kemasyarakatan*. Melaka: Associated Educational Distributor (M) Sdn. Bhd.
- Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon. 2002. *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Siti Zainon Ismail.1986. *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Siti Zainon Ismail. 1989. *Percikan Seni*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.

Solehah Ishak. 2010. *Seni & Budaya Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Syed Ahmad Jamal. 1992. *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Teyun Siew Cien. 2007. *Warisan Kelantan XX*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.